KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	27.02.22	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JPN PAHANG			



KAKITANGAN JPNP menanam 3,000 pokok meranti temak dan meranti tembaga di Hutan Simpan Sungai Lembing.

Tanam semula pokok balak berkualiti

Kuantan: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) sudah menanam semula 3,000 pokok balak berkualiti tinggi di Hutan Simpan Sungai Lembing di sini, yang diceroboh untuk penanaman durian Musang King sebelum ini.

Penanaman pokok spesies meranti temak dan meranti tembaga berkenaan dilakukan di kawasan seluas kira-kira satu hektar membabitkan 50 kakitangan Bahagian Pembangunan Hutan JPNP Bukit Sekilau.

Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNP, Datuk Samsu Anuar Nawi berkata, pihaknya turut berdepan cabaran bagi kerja pemulihan Hutan Simpan Sungai Lembing berikutan kawasan yang berbukit selain tiada kemudahan jalan.

"Kakitangan JPNP terpaksa menggunakan guni dan beg untuk membawa anak pokok sejauh hampir satu kilometer sebelum tiba ke kawasan ceroboh itu bagi ditanam semula dengan pokok balak.

"Kita yakin peratusan pokok akan hidup lebih tinggi kerana kawasan terbabit subur dan tanah tidak terlalu padat walaupun berbukit," katanya ketika ditemui, semalam.

Katanya, pihaknya akan memantau pokok meranti temak dan meranti tembaga yang ditanam bagi menilai peratus pembesaran dan akan diganti sekiranya terdapat pokok mati.

Sementara itu, Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur I), Nurfazliza Kamarulbahrin berkata, pihaknya bertanggungjawab sepenuhnya menghijaukan semula kawasan yang diceroboh terbabit bagi mengelak masalah hakisan dan banjir lumpur.

"Pasukan khas turut ditubuhkan bagi memastikan projek penghijauan semula Hutan Simpan Sungai Lembing menemui kejayaan," katanya.